

Putrajaya

# Mahasiswa UMS bersih kawasan banjir

Seramai 100 mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) tampil meringankan beban penduduk di sini yang ditimpa banjir, bulan lalu, dengan bergotong-royong melakukan kerja pembersihan di beberapa kawasan sekitar pekan ini.

Kumpulan sukarelawan yang diketuai oleh Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Fandyi Sanizan Jurup, membersihkan kawasan gerai makanan dan jambatan di pekan ini yang menjadi tumpuan penduduk setempat.

Melalui program dua hari itu, Fandyi Sanizan berkata, mereka bergembeng tenaga melaksanakan kerja pembersihan lumpur dan pengu-tipan sampah sarap yang dibawa arus banjir.

"Kami turut bergotong-royong membersihkan persekitaran Kampung Suasa Gadong yang dipenuhi lumpur akibat banjir berkenaan, termasuk surau dan beberapa kawasan lain, bagi membantu meringankan beban penduduk," katanya.



Mahasiswa UMS bergotong-royong membersihkan kawasan sekitar Beaufort yang ditenggelami banjir, baru-baru ini.

## Memasyarakatkan mahasiswa

Aktiviti kesukarelawan itu dianjurkan dengan kerjasama

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Majlis Sukarelawan Universiti-universiti Malaysia (MASKUM).



Kerja pembersihan turut dijalankan di Kampung Suasa Gadong.

Sementara itu Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur, berkata pembabitian mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawan dapat melatih dan memberi pendedahan kepada mereka untuk berbakti kepada masyarakat. "Selain itu, ia antara usaha pihak universiti untuk memasyarakatkan mahasis-

wa," katanya yang juga Timbalan Pengerusi MASKUM dalam program berkenaan di sini, baru-baru ini. Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Lumadan, Datuk Kamarlin Ombi; Setiausaha Sulit Ahli Parlimen Beaufort, Faizal Arshad; dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS, Mohd Raffie Janau.